

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI PANGLIMA DATUK AZEEZ RAHIM  
(BALING)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) statistik penangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI); dan
- (b) apakah inisiatif Kementerian dalam meningkatkan kesedaran komuniti terhadap isu PATI.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, bermula 1 Januari hingga 11 Oktober 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 4,453 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 15,545 orang PATI daripada pelbagai negara dan 170 majikan.

Sebagai langkah memperkukuh penguatkuasaan dan pemantauan keberadaan PATI, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia turut mengambil pendekatan dengan melaksanakan hebahan tindakan penguatkuasaan ke atas PATI, mempromosi dan menggalakkan masyarakat mengemukakan aduan isu PATI kepada Jabatan Imigresen Malaysia melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *Youtube* (Imigresen TV) serta media massa elektronik.